

20 SEP 2003

Ong-BN

SIKAP ADIL DR MAHATHIR KUKUH KECEMERLANGAN KONGSI KUASA

KUALA LUMPUR, 20 Sept (Bernama) -- Kepimpinan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang adil dan sensitif telah membolehkan konsep perkongsiaan kuasa di dalam Barisan Nasional (BN) dapat bertahan sehingga kini, kata Presiden MCA Datuk Seri Ong Ka Ting.

Katanya, sikap Dr Mahathir, yang juga pengerusi BN, yang sentiasa mengingatkan anggota BN mengutamakan sifat bertolak ansur serta peringatannya bahawa tiada satu kaum di negara ini akan dapat semua yang dituntut, adalah formula yang membantu memperkukuhkan BN.

"Walaupun pendirian ini kadang kala tidak dapat memuaskan parti komponen tetapi ia dapat menjamin kestabilan, keseimbangan dan keutuhan BN," kata Ong pada Perayaan Ulangtahun Ke-50 Kecemerlangan Kongsi Kuasa BN di Stadium Merdeka di sini hari ini.

Beliau berkata sejak Dr Mahathir menerajui BN pada tahun 1981, kerajaan telah berjaya mempertahankan dua pertiga jumlah kerusi parlimen di Dewan Rakyat pada pilihan raya umum selama lima penggal berturut-turut.

"Walaupun Dr Mahathir telah mengumumkan akan bersara selepas bulan Oktober ini, tetapi ketokohan beliau sebagai pemimpin yang dihormati dan disayangi rakyat akan menjadi faktor yang penting bagi BN untuk memenangi pilihan raya umum yang akan datang," katanya.

Ong berkata MCA yakin penuh bahawa bakal pengganti Dr Mahathir, Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, akan meneruskan amalan perkongsian kuasa yang terbukti berjaya itu dalam membawa kebaikan kepada negara dan rakyatnya.

"MCA berikrar akan terus memainkan peranan yang membina dan positif untuk menjayakan konsep perkongsian kuasa demi kepentingan negara serta berusaha menjalinkan hubungan yang lebih rapat dengan semua parti komponen," katanya.

Parti komponen BN perlu memperkukuhkan perpaduan dan kekuatan bagi menggagalkan sebarang usaha parti pembangkang yang diketuai PAS untuk membentuk sebuah negara ala PAS dengan mengenyepikan nilai kepelbagaian dan pluralisme dalam masyarakat negara ini, katanya.

"Saya yakin ciri kepelbagaian dan pluralisme yang menjadi asas perpaduan dan kestabilan negara tetap akan wujud selagi BN berkuasa di negara ini," katanya.

-- BERNAMA

AT VP HK DC MOZ